

Pelajar dakwa ditampar guru cedera di telinga

UMC 26/6/2000

ALOR SETAR 25 Jun — Seorang bapa mendakwa guru disiplin sebuah sekolah agama di Serdang, Kedah telah menampar anaknya sehingga menyebabkan kecederaan serius di bahagian telinga.

Sallehudin Haq Osman, 43, berkata anaknya Nor Farid, 14, pelajar Sekolah Menengah Agama Ittihad Al-Wataniah, Bukit Apeng, Serdang, disahkan doktor mengalami kecederaan akibat ditampar.

"Saya merancang mengambil tindakan mahkamah terhadap guru berkenaan. Laporan polis juga telah dibuat," katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

Sallehudin, seorang peniaga, berkata menurut anaknya, dia dan tiga lagi

rakannya ditampar guru disiplin setelah mereka didakwa ketawa dengan kuat semasa kelas sedang berjalan, pada 21 Mei lepas.

Beliau berkata, pada sebelah malam, anaknya yang tinggal di asrama telah mengadu sakit di bahagian telinga dan dibawa ke hospital oleh warden asrama.

Apabila sakitnya tidak pulih dan mengadu sukar untuk tidur, saya telah membawanya ke klinik pakar pada 24 Mei dan doktor memberitahu kecederaannya serius. Dua hari selepas pemeriksaan itu, kami membuat laporan polis," katanya.

Beliau berkata akibat kejadian itu juga, anaknya telah disingkir dari asra-

ma pada 12 Jun dengan alasan pihak sekolah tidak mahu masalah disiplin anaknya menular kepada pelajar lain.

"Saya kemudian mengambil keputusan untuk menamatkan pengajian anak di sekolah itu", katanya.

Sehingga hari ini anaknya itu belum bersekolah, kerana bapanya masih dalam proses mencari sekolah yang sesuai.

"Sehingga sekarang anak saya masih terasa sakit," katanya.

Guru besar sekolah itu, Wan Bidres Mohd. Yusof ketika dihubungi berkata, beliau tidak mahu membeiri sebarang ulasan kerana perkara itu telah menjadi kes polis. — Bernama